

Lokasi transit simpan 4,590 kg minyak masak



ANGGOTA polis memeriksa lori yang ditinggalkan di dalam semak dengan muatan minyak masak dipercayai untuk diseludup ke Thailand. IHSAN KPDNHEP

Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

RUMAH di Kampung Lubok Gong, Rantau Panjang dipercayai dijadikan lokasi transit untuk menyimpan minyak masak tempatan sebelum ia diseludup ke negara jiran menerusi pangkalan haram.

la berdasarkan serbuan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Pasukan Polis Marin (PPM) di kampung itu pada 4 petang semalam yang menemui 4,590 kilogram (kg) minyak masak pelbagai jenama bernilai RM11,475.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Kelantan Azanizam Affendi Juri berkata, pihaknya dan PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor, Tumpat melakukan serbuan selepas maklumat awam dan risikan.

“Kita menemui 3,604 kg minyak masak dalam lori yang diletakkan di kawasan semak di kampung berkenaan, manakala 986 kg lagi disorokkan di bawah sebuah rumah.

“Lori ditutup kanvas biru dan tiada pemandu dan tiada penghuni di rumah berkenaan dipercayai sudah melarikan diri sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa.

“Pihak kami percaya minyak masak ini milik dua individu berbeza namun berkemungkinan saling berhubung kerana kegiatan penyeludupan sama dilakukan,” katanya hari ini.

Azanizam berkata, hasil risikan mendapati kawasan itu dijadikan sebagai lokasi transit sebelum barang kawalan itu dibawa masuk ke negara jiran melalui jalan sungai pada waktu malam, bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Turut serta dalam operasi itu adalah anggota Pasukan Gerakan Am (PGA).

“Kita juga menyita lori berkenaan dan semua rampasan dibawa ke Balai Polis Rantau Panjang untuk siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961,” katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/569918/lokasi-transit-simpan-4590-kg-minyak-masak>

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 22 April 2020 @ 3:33 PM

